

ABSTRACT

The present study investigates teachers' and students' use of directives and politeness strategies in realising directives in Malaysian ESL classrooms. Using Bach and Harnish's (1979) classification of directives and Brown and Levinson's (1987) politeness strategies as a theoretical framework, audio recordings of three ESL lessons were analysed to examine the types of directives used by teachers and students in Malaysian ESL classrooms and the types of politeness strategies used to realise these directives. Audio recordings of interviews with participants of the current study were then examined to discover the factors that affect teachers' and students' use of directives and politeness strategies in the classroom.

Analysis of the data revealed that the teachers' use of directives was more frequent and more varied in type than the students'. Directives were generally utilised by the teachers to organise classroom activities while they were mostly utilised by the students to request for information. Although a variety of politeness strategies was employed by both the teachers and the students in producing directives, positive politeness was employed more frequently than bald on record and negative politeness. The use of in-group identity indicators was both the teachers' and the students' most preferred positive politeness strategy. The use of the bald on record strategy was most common in both the teachers' and the students' questions. Hedging was the teachers' most frequently used negative politeness strategy whereas giving deference was the students'. In addition to Brown and Levinson's (1987) factors of power, social distance and imposition, the type of directive being realised, the intrinsic advantages of each politeness strategy and personal communicative styles were found to be influential in determining the teachers' and the students' choice of politeness strategies. The study concludes with the suggestion that formal instruction on directives and politeness be

made available to teachers and students for the purpose of enhancing the teaching-learning process.

ABSTRAK

Kajian ini menyiasat penggunaan direktif dan strategi kesantunan bagi menghasilkan direktif oleh para guru dan pelajar dalam kelas Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL) di Malaysia. Dengan menggunakan klasifikasi direktif Bach dan Harnish (1979) dan strategi-strategi kesantunan Brown dan Levinson (1987), rakaman audio tiga kelas ESL dianalisa untuk menyelidik jenis direktif yang dihasilkan oleh para guru dan pelajar dalam kelas ESL di Malaysia dan jenis strategi kesantunan yang digunakan untuk menghasilkan direktif. Rakaman audio wawancara dengan peserta kajian ini kemudiannya diteliti untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan direktif dan strategi kesantunan oleh para guru dan pelajar dalam kelas.

Analisis data menunjukkan bahawa penghasilan direktif oleh para guru lebih kerap kali dan beraneka jenis jika dibandingkan dengan penghasilan direktif oleh para pelajar. Direktif lazimnya dituturkan oleh para guru untuk mengatur aktiviti-aktiviti dalam kelas tetapi direktif kebanyakannya dituturkan oleh para pelajar untuk memperolehi maklumat. Walaupun pelbagai jenis strategi kesantunan digunakan oleh para guru dan pelajar dalam menghasilkan direktif, kesantunan positif lebih kerap digunakan berbanding strategi berekod dan kesantunan negatif. Penggunaan penanda persamaan merupakan strategi kesantunan positif yang paling kerap dipilih oleh para guru dan pelajar. Strategi berekod seringkali dipilih oleh para guru dan pelajar dalam menuturkan soalan. Strategi kesantunan negatif yang paling kerap dipilih adalah penggunaan pagar (hedge) bagi para guru dan pemberian hormat bagi para pelajar. Selain daripada faktor-faktor kuasa, keakraban dan pembebanan Brown dan Levinson (1987), jenis direktif yang dihasilkan, kelebihan intrinsik setiap strategi kesantunan dan gaya komunikasi peribadi didapati mempengaruhi pilihan strategi kesantunan para guru dan

pelajar. Kajian ini berakhir dengan saranan bahawa direktif diajar secara formal kepada para guru dan pelajar untuk menambahbaik proses pengajaran-pembelajaran.